

# Tiga fasa kebenaran semula umrah

**MEKAH:** Penangguhan ibadah umrah akibat pandemik Covid-19 akan ditarik semula secara berperingkat.

Lapor *Arab News*, Menteri Haji dan Umrah, Mohammed Saleh Benten berkata, kementerian

terianya giat mengkaji pelan yang mengandungi tiga fasa membolehkan ibadah umrah dilakukan semula.

Katanya, dalam fasa pertama, penduduk tempatan dan golongan ekspatriat yang tinggal di negara ini akan dibenarkan menunaikan ibadah umrah.

Namun, ibadah itu hanya melibatkan kapasiti jemaah sebesar 40 peratus berbanding jumlah biasa.

Pada fasa kedua pula, kapasiti jemaah akan dinaikkan kepada 75 peratus dan jumlah itu ditingkatkan sepenuhnya dalam fasa ketiga, selain jemaah dari luar Arab Saudi turut dibenarkan menunaikan umrah.

Jelas Mohammed Saleh,

ketiga-tiga fasa tersebut masih melibatkan protokol kesihatan yang ketat sebagai usaha mengekang Covid-19.

Katanya, semua pihak akan terlibat dalam pelan tersebut, selain syarikat dan agensi yang menawarkan khidmat umrah perlu meningkatkan kualiti servis menerusi aplikasi P'tamarna.

Mohammed Salleh berkata, aplikasi tersebut memudahkan jemaah menempah perjalanan bagi menunaikan umrah.

"Lebih 30 syarikat tempatan dan antarabangsa akan disediakan perkhidmatan umrah kepada kira-kira 16 juta jemaah dari seluruh dunia termasuk Arab Saudi menerusi platform elektronik.

"Adalah penting untuk semua jemaah mendaftar awal bagi membolehkan syarikat umrah menyediakan kemudahan berikutan Covid-19," katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Menteri Haji dan Umrah, Abdulfattah Mashat berkata, forum 'Pengurusan Perubahan dan Transformasi Institusi dalam Sektor Umrah' diwujudkan untuk memperkasa keperluan serta kebajikan jemaah.

Jelas beliau, pembanguna ekonomi hasil daripada sektor umrah dan haji bukan hanya melibatkan per-

khidmatan tetapi merangkumi kemudahan logistik dan beberapa kemudahan lain.

"Sebanyak 5.3 juta penduduk negara ini, 6.4 juta golongan ekspatriat, 1.2 juta penduduk negara-negara Teluk dan 7.5 juta jemaah seluruh dunia menunaikan ibadah umrah pada tahun lalu," katanya.

**KERAJAAN Arab Saudi akan menarik semula larangan ibadah umrah secara berperingkat mengikut protokol kesihatan, sama seperti dilaksanakan ketika haji baru-baru ini. - AFP**

